

# PM pelik pihak tak sokong tindakan banteras rasuah

BERITA HARIAN 27 JUN 2025 m/s. 3

Anwar kesal sikap hipokrit golongan yang kononnya bersuara mengenai reformasi

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menepelak setengah pihak, khususnya golongan terpelajar yang kononnya bersuara mengenai reformasi, tetapi berdiam diri apabila tindakan antirasuah diambil terhadap individu tertentu.

Perdana Menteri berkata, sikap sedemikian mencerminkan ketidakkonsistenan dalam kempen antirasuah yang diperjuangkan mereka ketika tindakan diambil pihak berkuasa.

“Saya rasa pelik dan melihat ia sangat hipokrit apabila bercakap tentang rasuah, contohnya berkata kepada seorang bekas perdana menteri tetapi mengabaikan mereka yang sudah merompak berbilion ringgit.

“Apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat mereka, tidak ada sepatah sokongan pun. Apa salahnya sistem kita? Kita patut boleh bersuara.

“Saya tak kata kita harus terbabat dalam politik partisan, tetapi perlu fokus pada etika dan nilai. Hanya kerana jutawan menyokong anda, organisasi atau parti anda, itu tidak bermaksud kita harus tutup mata terhadap salah laku masa lalu,” katanya.



Anwar menerima buku laporan Simposium ‘Anchoring ASEAN’s Future in Shared Wisdom: Empowering Communities for an Inclusive and Sustainable Civilisation’ pada majlis ASEAN Symposium 2025 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

Beliau berkata demikian dalam ucapan ASEAN Symposium 2025 anjuran Institut Keafahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Persatuan Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na’im Mokhtar.

## Kepentingan diri

Anwar berkata, sesetengah pihak bersuara untuk kepentingan sendiri dan mahukan tindakan mengikut kehendak mereka dalam setiap reformasi yang dilakukan.

“Jadi bagaimana kita mahu uruskan? Contohnya, apabila seorang individu dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA), Per-

dana Menteri dihentam oleh satu kumpulan. Minggu berikutnya, orang lain pula kena DNAA, PM juga dihentam oleh kumpulan lain.

“Mereka bercakap mengenai kebebasan kehakiman, tetapi mahu mengikut kehendak sendiri. Ini diktator kehakiman.

“Apa yang anda mahu? Mahu saya jadi diktator? Suruh hakim putuskan ikut pandangan peribadi kamu? Ini bukan kebebasan. Sebahagiannya setuju, sebahagiannya tidak. Tapi inilah maksud kebebasan kehakiman.

“Kuasa eksekutif ada batas kerana adanya prinsip pemisahan kuasa-bukan hanya diambil dari Barat atau Montesquieu. Kita juga ada sejarah seperti Sayyidina Ali yang berhadapan dengan mahkamah bebas,” katanya.

Anwar menambah, rasuah pada hari ini sudah menjadi endemik dalam sistem dan ia bermula dengan kepemimpinan yang mengejar kepentingan tertentu.

“Kita mahu pacu pertumbuhan yang boleh digunakan untuk manfaat masyarakat dan kemanusiaan. Ia berlandaskan idealisme, nilai dan etika kukuh tetapi bila masuk generasi seterusnya, nilai itu mulai luntur.

“Kita hilang idealisme apabila golongan berkuasa mahukan kekayaan, manakala golongan elit pula, atas alasan tertentu, menyokong satu pihak atau obses dengan kepentingan tertentu sehingga mengabaikan keseluruhan kerumitan ekonomi. Ia menyebabkan rasuah menjadi endemik dalam sistem,” katanya.

## INFO KOTA MADANI



- RM4 bilion kos pembinaan
- Fasa pertama mula dibina September 2025, dijangka siap 2027
- Seluruh projek dijangka siap dalam tempoh 7 tahun
- Berkeluasan 41.27 hektar di Presint 19, Putrajaya
- Integrasi elemen ekonomi dan gaya hidup
- Disokong sistem *Local Urban Observatory*
- Berkonsepkan bandar pintar, dilengkap lampu isyarat pintar, laluan solar, CCTV keselamatan, perpustakaan digital, sistem mobiliti pintar
- 10,000 unit kediaman tempung sehingga 35,000 penduduk
- Memiliki kemudahan awam termasuk institusi TVET, rumah warga emas, klinik kesihatan, institusi kewangan, balai bomba, balai polis, masjid
- Sambungan Wifi percuma di ruang awam

## Sekolah

- Memiliki 3 sekolah: 2 sekolah rendah dan 1 sekolah menengah
- Pembinaan sekolah berkonsepkan ‘*Vertical school*’
- Sekolah bertingkat memiliki 54 bilik darjah
- Kemudahan pendidikan khas, akses universal untuk OKU
- Laluan pejalan kaki berbumbung